

24/07/1999

Pemuda, Wanita berikrar sokong calon BN

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pergerakan Pemuda dan Wanita Gerakan hari ini berikrar memberi sokongan kepada semua calon Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya umum akan datang.

Mereka mahu memastikan supaya wujud sebuah kerajaan yang stabil dengan majoriti lebih dua pertiga bagi terus memacu usaha pemulihan ekonomi dan kesejahteraan semua kaum.

Ini boleh dilakukan dengan menolak sama sekali pakatan pembangkang yang terdiri daripada Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) yang belum pernah teruji, mentadbir negara.

Ikrar itu disampaikan oleh Ketua Pemuda, Datuk Chang Ko Youn dan Ketua Wanita, Datuk Kee Phaik Cheen dalam ucapan dasar masing-masing di sidang perwakilan ke-12 pergerakan itu yang dirasmikan Timbalan Presiden Gerakan, Datuk Kerk Choo Ting di sini hari ini.

Perhimpunan agung parti itu dijadual dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu pejabatnya di Cheras, dekat sini pagi esok.

Chang yang melepaskan jawatan Ketua Pemuda Gerakan kerana had umur berkata, adalah menjadi tanggungjawab pergerakan itu bagi memastikan rakyat jelata terutama generasi muda untuk memberi sokongan kepada BN dalam pilihan raya.

"Oleh itu, Pemuda Gerakan bersatu hati, komited, bersiap sedia dan bekerjasama untuk menghadapi parti lawan dalam pilihan raya. Kita harus memberi sokongan kepada semua calon BN sama ada dari Umno, MCA, MIC dan parti komponen lain," katanya.

Beliau berkata, rakyat perlu menolak pakatan pembangkang kerana terbukti BN berjaya mewujudkan pembangunan prasarana yang canggih, kemakmuran ekonomi untuk dinikmati setiap lapisan rakyat jelata dan kestabilan politik bagi keharmonian sosial semua.

Berikutan itu juga katanya, Pemuda Gerakan menubuhkan biro teknologi maklumat bertujuan melatih pemuda bersiap sedia menggunakan siber dalam `perang siber' pada pilihan raya akan datang bagi memerangi tohmahan pembangkang yang disalurkan melalui Internet.

(END)